

Arahan kepada pesakit untuk CT colonography

(Pesakit sila kotak yang berkenaan)

3 hari sebelum temujanji

- _____ (tarikh)
- Makan makanan yang kurang sisa.
 - Jangan makan buah-buahan, sayur, daging merah (seperti lembu, kambing), kacang, bijiran atau susu.**

2 Day sebelum temujanji

_____ (tarikh)

Makan makanan kurang sisa untuk sarapan dan makan tengah hari.
Minum air/cecair jernih saja lepas makan tengah hari (JANGAN MAKAN makanan pejal)

1 hari sebelum temujanji

_____ (tarikh)

8 pagi: Makan 4 biji tablet Bisacodyl (setiap tablet 5mg). Jangan hancurkan atau kunyah. Jangan makan dalam masa 1 jam lepas makan antacid (jika ada).

2 petang ATAU 2 jam selepas makan tengah hari
Mula minum 4 liter PEG: minum 250 mls setiap 15 minit ATAU 1 liter setiap jam

4 petang:
Selepas minum 2 liter PEG, berhenti jika pembuangan air besar sudah menjadi berair dan tiada lagi sisa-sisa pejal.
Warna pembuangan air besar mungkin menjadi kuning, hijau, gelap atau tiada warna **tetapi mesti jernih dan tiada sisa. Kalau tidak, teruskan minum PEG.**

Waktu PEG dihabiskan: _____
PEG sepatutnya sudah dihabiskan sebelum 6 pm.
Kalau tidak, teruskan minum PEG.

1 jam selepas habiskan PEG (mesti selepas 7ptg)

Minum 1 botol Tagitol _____ (masa)

2 jam selepas habiskan Tagitol: _____ (masa)

Minum 50mls Omnipaque.
PENYEDIAAN SELESAI!
Air jernih boleh diminum sebanyak yang dihendaki atau dalam had air harian (jika ada) sehingga waktu puasa

Tarikh CT Colon: _____ (tarikh)

6 jam sebelum temujanji _____ (masa)

- Jangan makan atau minum 6 jam sebelum temujanji
- Ambil ubat-ubat seperti biasa dengan kuantiti air yang kecil

1 jam sebelum temujanji _____ (masa)

- Buang air besar dan kecil sebelum temujanji

(Kakitangan sila kotak yang berkenaan)

Pesakit yang menhidapi diabetes:

- Sila hentikan semua ubat diabetes/kencing manis anda (termasuk suntikan insulin) semasa berpuasa. Anda boleh sambung ubat-ubatan selepas CT scan.
- Sekiranya anda mempunyai masalah ginjal (eGFR 30 - 60 ml/min/1.73m²) – sila hentikan Metformin 24 jam sebelum scan dan sambung 48 jam selepas scan.

Hentikan ubat
Tarikh: _____ Masa: _____
Sambung ubat
Tarikh: _____ Masa: _____

Pesakit yang menghidap asthma/alahan ubat (lebih daripada 1 jenis)/reaksi terhadap kontras, sila dapatkan ubat tersebut daripada doktor anda.
 30 mg prednisolone malam sebelum scan.
Tarikh: _____ Masa: _____
 30 mg prednisolone pada pagi scan
Tarikh: _____ Masa: _____

Arahan lain: _____

Jika anda ada soalan, sila panggil kami di: (65) 6772 3700 atau emel kepada DDI_enquiries@nuhs.edu.sg

Sila bawa risalah ini pada hari temujanji

Computed Tomography Colonography

Risalah informasi untuk pesakit

Dikemas kini pada Disember 2019

National University Hospital
5 Lower Kent Ridge Road, Singapore 119074
OneNUHS Hotline: (65) 6908 2222
OneNUHS General Enquiries: contactus@nuhs.edu.sg
OneNUHS Appointments: appointment@nuhs.edu.sg
www.nuh.com.sg

Computed Tomography (CT) Colonography menggunakan X-ray untuk menyiasat usus besar anda. Teknologi komputer akan digunakan untuk memperolehi gambar-gambar 3-Dimensional usus untuk mengesan penyakit seperti polyp dan kanser usus.

Apa yang patut dijangka untuk prosedur ini

Semasa persiapan usus

Tagitol yang diambil akan menjadikan buang air besar anda berwarna putih. Tujuan Biscodyl and PEG adalah untuk membersihkan usus jadi anda akan kerap pergi ke tandas. Anda akan mengalami cirit-birit 1 jam selepas anda minum PEG. Anda juga akan mengalami sakit perut tetapi jika terlalu perit, sila berhenti dan jumpa doktor.

Sebelum prosedur

Sila pastikan anda memakai pakaian yang selesa dan longgar pada hari prosedur. Anda akan diminta untuk menukar pakaian kepada gaun hospital. Sila tanggalkan pakaian dalam anda dan gunakan pakaian dalam yang disediakan. Loker disediakan untuk menyimpan barang peribadi anda.

Sila pastikan anda tidak memakai sebarang peralatan yang mengandungi logam seperti seperti pin rambut, gigi palsu atau barang kemas kerana ia akan menjejaskan kualiti gambar CT. Jururawat akan memasukkan jarum plastik ke dalam urat anda sebelum prosedur dijalankan.

Semasa prosedur

Anda akan diminta untuk baring di atas meja CT. Ubat akan disuntik untuk mengurangkan pergerakan usus anda. Tiub yang lembut akan dimasukkan ke dalam punggung anda. Melalui tiub ini, angin akan dimasukkan perlahan-lahan ke dalam usus anda.

Semasa proses ini, perut anda akan rasa kembung. Ia adalah normal jika anda ingin buang angin. tetapi sila cuba elakkan buang angin dengan sengaja. Jika terlalu perit, sila beritahu kakitangan kami.

Anda akan diminta untuk tukar posisi 2 kali semasa prosedur – baring di atas perut dan kemudian di belakang anda.

Sila jangan bergerak semasa menjalani prosedur kerana pergerakan akan menjejaskan gambar-gambar C. Kakitangan kami akan memberi arahan untuk menahan nafas sehingga 15 saat. Seperti mengambil gambar, anda tidak boleh bergerak dan patut mengikuti arahan kakitangan mengenai pernafasan anda supaya kualiti gambar yang terbaik boleh diperolehi. Selepas imej CT sudah diambil, kakitangan kami akan memberi arahan untuk sambung pernafasan seperti biasa.

Ubat akan disuntik ke dalam urat anda untuk melihat urat dan organ anda dengan lebih jelas. Semasa ubat ini disuntik, anda mungkin akan rasa panas dan seperti ada logam di dalam mulut tetapi hanya untuk beberapa minit.

Seluruh prosedur ini dijangka akan memakan masa 20 sehingga 45 minit.

Selepas prosedur

Kebanyakan angin yang dimasukkan akan keluar selepas tiub dikeluarkan. Anda dinasihati supaya pergi ke tandas selepas prosedur tamat. Apabila ubat yang disuntik sudah kurang kesannya dan pergerakan usus anda makin pulih (biasanya dalam 30 minit), anda mungkin akan

rasa sakit perut dan perlu ke tandas untuk buang angin. Anda dinasihati supaya minum banyak air, makan buah-buahan dan sayur untuk mengurangkan sembelit.

Anda boleh sambung aktiviti anda seperti biasa selepas prosedur. Anda dinasihati supaya tidak memandu kenderaan pada hari prosedur kerana ubat yang diberi mungkin akan menjejaskan penglihatan anda secara sementara.

Nota penting

- ✓ Sila beritahu kami sebelum temujanji anda sekiranya anda menghidapi penyakit **asthma, diabetes (kencing manis), masalah ginjal atau alahan ubat.**
- ✓ Sila beritahu kakitangan kami sekiranya anda **mengandung** atau tidak pasti.
- ✓ Persiapan untuk menjalani prosedur CT colonography untuk orang dewasa adalah berlainan daripada kanak-kanak. Sila pastikan anda memperoleh risalah yang betul.
- ✓ Anda mesti mengikuti nasihat berkenaan makan/minum dan persiapan usus dalam risalah ini. Jika usus anda tidak bersih pada masa CT colonography, doktor mungkin akan mengalami kesulitan untuk menjalankan pemeriksaan yang tepat.
- ✓ Temujanji ada mungkin akan ditangguh or dibatalkan sekiranya usus anda tidak dibersihkan secukupnya.

Risiko prosedur

- Usus bocor, pendarahan dan jangkitan kuman
- Alahan terhadap ubat
- Ubat yang disuntik ke dalam urat anda terkeluar dari urat

Risiko-risiko ini adalah jarang dan langkah-langkah untuk mencegah kejadian yang tidak diingini akan diambil. Untuk sebarang pertanyaan, sila tanya kakitangan kami.

Temujanji anda	
<input type="checkbox"/> Diagnostic Imaging @ MB L2 (Isnin-Jumaat, 8 pagi – 6 ptg)	
<input type="checkbox"/> Diagnostic Imaging @ KRW L3 (Isnin – Jumaat, 8 pagi – 6 ptg)	
<input type="checkbox"/> Diagnostic Imaging @ NUH Medical Centre Level 4 (Isnin – Jumaat, 8.30 pagi – 6 ptg)	
Butir-butiran pesakit	Tarikh Temujanji: _____
<div style="border: 1px solid black; height: 80px; width: 100%;"></div>	Masa temujanji: _____
	Anggaran yuran untuk pesakit: _____
<small>Nota: Sila jangan bawa barang-barang yang lumayan atau wang berlebihan dengan anda. Pesakit adalah bertanggungjawab terhadap barang-barang persendirian.</small>	
Temujanji anda mungkin ditangguh/dibatalkan sekiranya anda tidak menepati masa. Sila sampai 15 minit sebelum temujanji anda untuk melaporkan diri dan bersedia untuk prosedur. Kami menghargai timbang rasa anda sekiranya temujanji anda tertangguh kerana kecemasan berlaku. Sila beritahu kami sekiranya anda tidak boleh hadir ke temujanji anda.	

This brochure is classified as Unclassified, Non-Sensitive

The information in this brochure is meant for educational purposes and should not be used as a substitute for Medical diagnosis or treatment. Please seek your doctor's advice before starting any treatment, or if you have any questions related to your health, physical fitness or medical condition.

© 2024, National University Hospital (Singapore) Pte. Ltd. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or shared without prior permission from National University Hospital (Singapore) Pte. Ltd.

Information is correct at time of printing Mar 2024 and subject to revision without prior notice.